

Ratu

BERITA HARIAN

Rentak Aliran Terkini Untukmu

R1

Khamis
19 April 2012

B/H 19/4/12

MS 1

Rutin sembur
haruman undang
risiko alahan, lelah
dan masalah kulit

Oleh Shaidah Shafie
shasha@bharian.com.my

SUDAH menjadi kelaziman Nadia menyembur minyak wangi setiap kali keluar rumah. Namun, bau wangi itu kerap menyebabkannya bersin sehinggakan selesema.

Tapi bagi eksekutif muda sepertinya, apalah sangat selesema berbanding rutin wajibnya menyembur pewangi berkenaan.

Mana tidaknya, pewangi atau haruman sudah menjadi satu keperluan yang tidak dapat tidak, dielakkan.

Alasannya - Nadia berasa yakin untuk berhadapan atau berurusan dengan rakan sekerja, pelanggan mahupun mereka di sekitarnya. Baginya, pewangi menjadi alat meningkatkan daya keyakinan diri biarpun terpaksa menahan selesema. Malah bukan Nadia seorang, sebaliknya ramai, termasuk remaja mempunyai penggantungan sedemikian terhadap

“ Ada juga alahan luaran

seperti kulit mengalami radang dan menjadi kemerah-merahan akibat tindak balas


Wangi

mudarat

bahan tertentu
dalam wangian
yang digunakan"

Dr Kent Woo
Pakar Asma, Alahan
dan Immunologi

wangian. Apakah tepat tindakannya itu? Hakikatnya, sama ada disedari atau tidak, pewangi juga boleh membawa alahan sekiranya individu itu adalah penghidap asma, mereka yang mengalami masalah rhinitis dan alahan teruk. Malah, mungkin ramai tidak ketahui ada pewangi menyebabkan kulit mengalami radang akibat alah dengan bahan kandungan dalam pewangi berkenaan.




INFO

Antara tanda alahan
pewangi

- Bersin selepas tercium bau minyak wangi dan dalam masa beberapa minit, anda mula sakit kepala.
- Pening selepas menggunakannya atau mencium bau wangi.
- Tangan menjadi ruam atau gatal selepas terkena cecair.

Ujian alahan

- Doktor akan menampal sejenis bahan pada bahagian belakang anda.
- Tampalan berkenaan hanya boleh dibuka selepas 48 jam kerana kesannya akan dapat dilihat selepas tempoh itu.
- Sistem imunisasi badan akan bertindak mengeluarkan tanda sekiranya anda alahan terhadap wangi seperti ada bintik merah, melecur dan radang kulit.



Ramai wanita alami alahan

<< R1

Pakar Asma, Alahan dan Imunologi, Dr Kent Woo Chee Keen, berkata pewangi bukan perkara wajib untuk digunakan kerana jika individu prihatin mengenai kebersihan diri, tidak akan ada keperluan terhadap penggunaan wangi.

"Jika kita menjaga kebersihan diri dengan betul dan mandi mengikut kesesuaian, kita tidak perlu memakai wangi ketika menjalankan urusan seharian.

"Namun, kebanyakan daripada kita berasa lebih yakin sekiranya mengenakan pewangi sejurus sebelum meneruskan urusan harian dan ia boleh digunakan selagi tidak memudaratkan diri," katanya yang berkhidmat di Hospital Gleneagles Kuala Lumpur.

Dr Woo yang ditemui baru-baru ini berkata, penggunaan minyak wangi akan mencetuskan sensasi bauan terhadap deria hidu manusia dan ia mempengaruhi semangat seharian kala bekerja. Hal ini dikira positif kerana tidak mendatangkan kemudaratan kepada pemakai, namun jika individu menghidap asma, mereka mungkin alah kepada pewangi.

ran udara oleh wangi," katanya.

Justeru, apakah yang harus dilakukan andai berdepan kemungkinan itu? Menurut Dr Woo, langkah segera perlu dilakukan seperti menemui doktor bagi mengesahkan sama ada anda sebenarnya mengalami alahan atau tidak terhadap wangi.

Alahan pada kulit akibat penggunaan haruman boleh diketahui dengan melakukan ujian tampalan pada bahagian belakang badan. Ujian itu dilakukan di hospital dengan pengendalian doktor.

"Doktor akan menampal sejenis bahan pada bahagian belakang anda. Tampalan berkenaan hanya boleh dibuka selepas 48 jam kerana kesannya akan dapat dilihat selepas tempoh berkenaan.

"Sistem imunisasi badan akan bertindak mengeluarkan tanda sekiranya anda alahan terhadap wangi seperti ada bintik merah, melecur dan radang kulit. Ada juga yang tidak akan menunjukkan sebarang tanda dan ia tidak bermakna anda tidak mengalami alahan," katanya.

Bagaimanapun, katanya ada juga alahan yang tidak akan muncul walaupun selepas 48 jam, tapi ia mungkin akan muncul selepas beberapa hari atau selepas sem-

Bagaimanapun, tegasnya, jika individu berkenaan menghidap asma atau sensitif kepada alahan, mereka sewajarnya berhati-hati terhadap penggunaan wangian kerana ia dikhuatiri memburukkan keadaan asma yang dihidapi. Malangnya, tidak ramai yang mungkin menyedari risiko itu dan membiarkannya.

"Ada pewangi yang tidak diketahui kandungannya berupaya membuatkan penghidap asma atau lelah ini berdepan masalah 'serangan' sesak nafas kerana sebenarnya alah dengan bau atau pewangi yang disembur ke badan.

"Jika wangian berkenaan tidak sesuai dengan individu yang menghidap asma, dia boleh sesak nafas selepas beberapa minit menyembur pewangi ke badan. Namun jika tiada sebarang alahan, tiada kesan dialami.

"Perlu diingat, ia adalah alahan jenis dalaman kerana menyerang sistem pernafasan. Ada juga alahan luaran seperti kulit mengalami radang dan menjadi kemerah-merahan kerana tindak balas bahan tertentu dalam wangian yang digunakan," katanya.

Memperincikan lagi, Dr Woo berkata, minyak wangi adalah campuran kompleks jujuk bauan asli dan tiruan. Lebih daripada 5,000 sebatian yang dikenali digunakan dalam pembuatan wangi dan ada sebatian tertentu tersejat dan menjadi bawaan udara menyebabkan ia berlegar-legar dalam udara.

"Jadi, jika ada individu bermasalah asma dan yang mempunyai masalah saluran pernafasan seperti alahan rinitis yang tidak dikawal, menyedut udara yang berbaur dengan wangian itu tadi, mereka akan mengalami bersin dan kesesakan hidung selepas terhidu bau itu.

"Dalam satu kajian diterbitkan jurnal perubatan pada 1995, sebanyak 36 peratus mengalami gangguan asma teruk, 17 peratus (sederhana) dan 8 peratus (sangat sederhana) dan gejala ini adalah disebabkan oleh kerengsaan salu-

beberapa hari atau selepas seminggu. Paling membimbangkan ialah alahan wangian yang berlaku pada bahagian wajah kerana ia mungkin akan menyebabkan muka bengkak, ada kesan terbakar mahupun kegatalan.

"Kadang kala ada juga alahan berlaku disebabkan oleh bahan makanan kerana ada bahan tertentu yang digunakan dalam masakan turut digunakan dalam pembuatan minyak wangi seperti kulit kayu manis, cengkik dan vanilla.

"Jadi anda perlu berhati-hati kerana bahan dalam makanan ada juga yang sama dengan bahan di dalam minyak wangi. Dan alahan ini tidak semestinya disebabkan oleh minyak wangi saja, makanan yang diambil juga boleh menyebabkan alahan," katanya.

Wanita paling banyak terdedah kepada bahan alahan di dalam wangian mahupun krim badan atau kelengkapan solekan yang digunakan pada wajah kerana ada antaranya mengandungi bahan kimia yang berbau wangi.

Bagi mengelak alahan, individu boleh membaca label pada wangian sebelum mengambil keputusan membeli atau menggunakannya pada badan bahkan krim badan juga mempunyai bahan wangian.

Wanita paling banyak terdedah kepada bahan alahan di dalam wangian mahupun krim badan atau kelengkapan solekan yang digunakan pada wajah kerana ada antaranya mengandungi bahan kimia berbau wangi.

"Cara terbaik menggunakan wangian ialah menyemburnya pada pakaian kerana ia tidak akan mengena kulit secara langsung. Jadi sekiranya kulit anda mengalami alahan, cara begini dapat mengelakkan alahan berlaku," katanya.

"Pastikan anda membaca label pada sebarang alat penjagaan badan yang dibeli. Perkataan 'unscented' tidak bermakna bahawa ia adalah tiada bahan wangian sebaliknya pastikan ada tertulis 'fragrance free' kerana ia adalah bebas daripada sebarang bahan wangian," katanya.